

SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YBRS. DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]

TARIKH : 8 MAC 2018

SOALAN :

YBRS. DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam pembangunan aktiviti pemasaran bagi memastikan segala hasil yang berkaitan dengan aktiviti perladangan mendapat permintaan tinggi di peringkat global dan apakah perkhidmatan yang disediakan untuk membantu petani atau peladang lebih berjaya dalam bidang ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha untuk mempertingkatkan permintaan hasil berkaitan perladangan di peringkat global, Kementerian menjalankan pelbagai langkah untuk membangunkan aktiviti pemasaran antaranya seperti berikut :

- a) menjalankan aktiviti promosi dengan pengilang dan pembeli serta menyertai ekspo perdagangan antarabangsa;
- b) memastikan pengeluaran hasil memenuhi kriteria kemampunan yang dikehendaki oleh pembeli dan pengguna seperti pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*) dan Skim Pensijilan Kayu-Kayan Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)*);
- c) mengiklankan produk-produk berjenama Malaysia dalam majalah, jurnal dan media atas talian yang berkaitan dengan perniagaan di negara-negara tertentu;
- d) menganjurkan misi teknikal dan lawatan kerja ke negara-negara pasaran utama, meneroka pasaran baharu dan menjalankan aktiviti risikan pasaran bagi memperkuuh pasaran sedia ada;
- e) menjalankan seminar perniagaan atau aktiviti suai padan perniagaan (*business matching*) dengan industri untuk mewujudkan kerjasama di peringkat hiliran;
- f) menjalin kerjasama dengan agensi pelaksana seperti Jabatan Pertanian dan Kastam Diraja Malaysia serta badan bukan Kerajaan antarabangsa seperti *Standards and Trade Development Facility (STDF)* untuk menambah pengetahuan dan kemahiran melalui

amalan pertanian yang baik bagi memastikan kualiti dan keselamatan hasil perladangan; dan

- g) menggalakkan penghasilan produk tambah nilai dan mempelbagaikan produk yang mempunyai potensi komersial untuk dipasarkan dengan lebih meluas.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai perkhidmatan disediakan oleh Kementerian ini melalui 6 buah agensinya untuk membantu pekebun kecil lebih berjaya dalam bidang agrikomoditi ini antaranya:

- a) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merangkumi semua komoditi negara – sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf;
- b) melaksanakan program peningkatan produktiviti melalui bantuan input pertanian seperti benih, baja dan racun serta mendidik petani menggunakan teknologi pengeluaran bagi meningkatkan pengeluaran hasil ladang bermutu tinggi; dan
- c) menyediakan khidmat pengembangan amalan pertanian baik (GAP) dan pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi mekanisasi kepada para pekebun kecil di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.